

# Pesaka belum terima surat dari ATM

A. Harlan (M)

8 NOV 1987

Oleh RAHIME  
MOHD YUSOFF

PERSEKUTUAN Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) belum menerima sebarang surat rasmi daripada Persatuan Seni Mempertahankan Diri Angkatan Tentera Malaysia mengenai permohonan mendapatkan bantuan teknik silat olahraga.

Setakat ini, Pesaka hanya menerima permohonan bantuan seperti itu daripada Persatuan Seni Silat Kalimah Malaysia dan Persatuan Seni Silat Pencang 12 Malaysia untuk menjadi ahli gabungan.

Setiausaha Pesaka, A Rahman Hassan, berkata jika pihak berkenaan di ATM itu menghantar surat rasmi, Pesaka tidak keberatan memenuhi harapan itu.

Katanya, Pesaka tidak pernah mengetepikan mana-mana pertubuhan yang ingin bergabung atau mendapatkan bantuan teknik bagi mengembangkan sukan ini.

"Kami boleh menerima mana-mana pertubuhan silat yang ingin menjadi ahli gabungan jika diluluskan oleh Dewan Tertinggi Pesaka," katanya.

Beliau berkata, permohonan dua persatuan itu akan dibincangkan dalam mesyuarat Dewan Tertinggi Pesaka pada Selasa ini.

## Rasmi

Pertubuhan Seni Silat Pancang 12 Malaysia yang dipengerusikan oleh seniman, Mokhtaruddin Makhtar, kini mengembangkan silat itu di kalangan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Jika Pesaka menerima pertubuhan itu menjadi ahli gabungan sudah tentu pesilat-pesilat polis menyertai Kejohanan Silat Kebangsaan tahun depan.

Sehubungan itu, Rahman berharap Persatuan Seni Mempertahankan Diri ATM mengemukakan permohonan rasmi kepadanya jika ingin menjadi ahli gabungan Pesaka.

Sebelum ini, Pengerusi persatuan Seni Mempertahankan Diri ATM, Lt Kolonel Mohd Noor Jaafar, mengesahkan sudah menghantar surat rasmi dan pernah berbincang dengan seorang jawatankuasa Dewan Tertinggi Pesaka.

Bagaimanapun, difahamkan surat rasmi itu dialamatkan kepada Persatuan Seni Silat Gayong Pathani yang menjadi kerabat aktif Pesaka.

# Hajat cari rakan sepelatih sudah ditemui

B. Minggu (M)

BANTUAN teknik dan taktik daripada Razak Othman, yang menjadi jurulatih profesional Great Britain, berjaya meningkatkan pencapaian pesilat kebangsaan, Ahmad Fauzi Othman untuk menghadapi Kejohanan Silat Sedunia pada 2-9 Disember, lapor RAHIME MOHD YUSOFF.

Pesilat Kelas F itu sebelum ini menghadapi kebuntuan kerana tiada rakan sepelatih untuk meningkatkan keupayaannya menghadapi kejuaraan besar itu.

"Saya lega selepas Razak sedia membantu terutama di segi teknik dan taktik yang lebih berkesan ketika hendak mengatur serangan," katanya.

Ahmad Fauzi yang cuma memperolehi pingat gangsa di Sukan SEA lalu menyifatkan tunjuk ajar daripada jurulatih itu sebagai sangat berguna untuk dijadikan bekalan menjelang kejohanan itu.

Katanya, tanpa bantuan Razak dia mungkin tidak dapat meningkatkan tahap pencapaian yang memungkinkannya gagal memenangi sebarang pingat bulan depan.

Razak adalah pelopor silat Malaysia di Great Britain yang turut bertanding dalam Kelas D mewakili negara itu.

8 NOV 1987  
Gagal

Bagi Ahmad Fauzi kegagalan di Sukan SEA untuk merangkul pingat emas itu, bertambah semangat untuk menebus kekecewaan. Dalam kejohanan yang sama di Vienna, Austria pada 1985 dia memungut pingat gangsa.

Katanya, kegagalan di Sukan SEA lalu banyak berpunca daripada tekanan mental yang mengganggu ketenangannya.

"Saya tidak dapat mengawal perasaan gemuruh ketika bertanding sungguhpun sudah lama bertanding di peringkat antarabangsa," kata jaguh kebangsaan itu.

Ahmad Fauzi yang akan memulakan latihan pusat kebangsaan pada Selasa ini turut mengharap rakan pelatih yang baik untuk mencapai kemajuan.

Menurutnya, tanpa rakan pelatih seseorang pesilat itu tidak mampu untuk meningkatkan pencapaiannya.



■ AHMAD FAUZI